

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 18 MAC 2019**

**SOALAN : Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengenai komitmen Kerajaan dalam gerakan BDS (Boycott, Divestment & Sanctions) terhadap Israel. Apakah ada usaha libat urus (engagement) dilakukan bersama NGO seperti BDS Malaysia; dan apa jalan hadapan yang wajar buat Malaysia dalam konteks BDS ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Dasar Luar Negara Malaysia sejak dahulu lagi adalah tidak menjalin hubungan diplomatik dengan Israel. Secara dasarnya juga, Kerajaan Malaysia tidak menjalin sebarang hubungan ekonomi secara rasmi dengan Israel.

3. Malaysia adalah sebuah negara yang menitikberatkan prinsip-prinsip kemanusiaan dan kita amat prihatin terhadap penderitaan rakyat Palestin. Malaysia secara konsisten menentang dan mengutuk dengan sekeras-kerasnya apa jua tindakan tidak berperikemanusiaan Israel

terhadap rakyat Palestin di Gaza sama ada dari sekatan ekonomi atau tindakan kententeraan dan pencabulan rejim tersebut.

4. Seajar dengan dasar tersebut dan ditunjangi prinsip kemanusiaan dan keamanan dunia, Kerajaan Malaysia menyokong seruan dan gesaan komuniti antarabangsa dalam mendesak agar kekejaman dan penindasan ke atas rakyat Palestin di Gaza dihentikan serta merta. Malaysia juga adalah sebuah negara yang menitikberatkan prinsip-prinsip kemanusiaan dan amat prihatin terhadap penderitaan rakyat Palestin. Status ini tidak pernah berubah dan masih kekal.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Gerakan untuk memboikot barangan dari Israel dipelopori oleh badan-badan bukan Kerajaan (NGO) tempatan serta rakyat Malaysia sendiri yang berasa terpenggil untuk menunjukkan solidariti mereka terhadap rakyat Palestin dengan memboikot barangan buatan serta syarikat-syarikat yang dikaitan dengan Israel. Gerakkan akar umbi ini termasuklah dengan usaha Kerajaan Malaysia membuktikan sokongan kuat Malaysia untuk rakyat Palestin mencapai aspirasi mereka.

6. Malaysia Baharu telah membawakan satu wadah yang segar dan lebih terbuka di mana usaha libat urus (engagement) bersama NGO bukanlah satu perkara yang luar biasa. Ini dapat dilihat dengan penubuhan Majlis Perundingan Mengenai Dasar Luar Negeri oleh Kementerian Luar Negeri yang melibatkan bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan, tetapi juga wakil-wakil dari Badan Bukan Kerajaan, ahli akademik, badan pemikir, pakar sesuatu bidang, badan profesional, badan perniagaan dan sebagainya.

7. Di sini kita dapat lihat bahawa kewujudan amalan tersebut sama sekali tidak menjejaskan pendirian dan ketegasan Kerajaan Malaysia dalam hal ini. Justeru, Kerajaan akan terus memperhalusi amalan penglibatan Badan Bukan Kerajaan dalam perkara-perkara yang tertentu.

Sekian, terima kasih.